

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab mengapa syarahan dan kuliah-kuliah yang dianggap berunsur politik tidak dibenarkan diadakan di masjid-masjid.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, masjid adalah merupakan tempat ibadah umat Islam. Kesuciannya sebagai sebagai rumah Allah perlu sentiasa dijaga. Peranannya sebagai tempat untuk mengeratkan hubungan perlu dilestarikan pada setiap masa. Sebagai nadi sosial, masjid sewajarnya bebas daripada sebarang unsur yang boleh membawa kepada perpecahan bahkan perlu mengajak masyarakat saling menghormati antara satu sama lain walau dalam perbezaan dan kepelbagaian fahaman.

2. Kerajaan mengambil perhatian terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara serta sentiasa berusaha untuk memastikan perpaduan ini terpelihara daripada diganggu-gugat, sama ada dari anasir luar, lebih-lebih lagi sesama rakyat negara ini. Justeru,

ceramah atau kuliah berbaur politik yang berpotensi mengundang perselisihan sama sekali dielakkan daripada berkumandang di dalam rumah Allah yang suci ini. Setiap individu yang mahu menyampaikan ceramah atau syarahan di mana-mana masjid dalam negara ini perlu mempunyai tauliah yang diperakukan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri sebagai langkah kawalan daripada penyalahgunaan institusi masjid.

3. Masjid juga merupakan entiti yang berada di bawah bidang kuasa enakmen dan akta negeri-negeri, yang secara langsung berada di bawah kuasa Raja-raja dan Sultan. Entiti ini perlu kekal tidak berpihak, supaya sentiasa menjadi gelanggang yang menyatukan masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

4. Masjid adalah zon ramah, aman, hormat, mesra, alami dan harmoni (RAHMAH) yang menjadi asas ke arah pembinaan masyarakat rahmah selaras dengan falsafah Perlembagaan Persekutuan. Inilah juga gagasan baru kerajaan untuk mengembalikan peranan masjid sebagai zon aman dari segala pertelingkahan, cemuah mencemuh dan sebagainya.

5. Di samping itu, masyarakat di negara ini boleh mengakses sekian banyak maklumat politik walaupun tidak dinyatakan dalam masjid atau surau, yang menjadi pusat ibadah ritual umat Islam yang sangat dihormati.

Sekian, terima kasih.